

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]**  
**TARIKH : 18 JUN 2014**  
**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membina hospital besar Kerajaan dengan kemudahan yang lengkap di kawasan Baling seperti di Alor Setar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Baling sedia ada merupakan hospital tanpa pakar yang mula beroperasi pada tahun 1996 menggantikan hospital lama dengan kapasiti katil sebanyak 160 buah. Purata kadar penggunaan katil (BOR) pada tahun 2011 – 2013 adalah agak rendah iaitu sekitar 40%.

Namun begitu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Hospital Baling daripada hospital tanpa pakar kepada hospital berpakar minor bagi menyediakan perkhidmatan

kepakaran asas kepada penduduk tempatan. Permohonan naiktaraf ini akan dikemukakan dalam RMK-11. Dengan adanya perkhidmatan kepakaran di hospital ini kelak akan dapat mengurangkan kadar rujukan ke hospital-hospital seperti Hospital Kulim dan juga Hospital Alor Setar. Secara tidak langsung ia juga diharapkan dapat meningkatkan kadar penggunaan katil (BOR) hospital ini.

Walau bagaimanapun, naik taraf ini adalah tidak setara dengan Hospital Alor Setar yang merupakan Hospital Negeri dan merupakan pusat rujukan pesakit dari seluruh negeri Kedah.